

Warta **102** Konvo

Edisi 10 September 2025

**KOLABORASI
ANTARABANGSA
FAKTOR PENTING
KEBOLEHPASARAN
GRADUAN**

**TEGUH BERDIRI
DEMI SEGULUNG IJAZAH**

**GRADUAN FPP UiTM
KEKAL RELEVAN DI ERA DIGITAL**



KOLABORASI ANTARABANGSA FAKTOR PENTING KEBOLEHPASARAN GRADUAN



oleh : Amni Harith Badrul Hisyam

Giliran seramai 1,086 graduan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam dan UiTM Cawangan Selangor diraikan dalam Istiadat Konvokesyen UiTM ke-102, Sidang ke-12 yang berlangsung di Dewan Agung Tuanku Canselor pada 10 September 2025.

Dalam ucapannya, Pro-Canselor, Datuk Haji Abdul Wahab Aziz, menyampaikan tahniah kepada semua graduan atas kejayaan menamatkan pengajian mereka.

Beliau menekankan bahawa pengorbanan, ketekunan, dan komitmen yang telah diberikan membuahkan hasil yang bermakna. Beliau turut mengucapkan syabas kepada ibu bapa, keluarga, pensyarah, dan pentadbiran universiti yang memainkan peranan penting dalam melahirkan individu terbilang dan berilmu.

UiTM telah diiktiraf sebagai Universiti Pilihan Majikan 2025 oleh Talentbank, satu pencapaian yang



membanggakan dan menjadi sorotan utama dalam majlis tersebut.

Pengiktirafan ini adalah hasil langsung dari Kadar Bekerja Graduan UiTM yang terus meningkat, kini mencecah 92 peratus.

Pencapaian ini menunjukkan komitmen universiti dalam menghasilkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga kompeten dan berdaya saing di pasaran kerja.

Pelbagai langkah

strategik telah diambil untuk mencapai matlamat ini, termasuk memperkukuhkan kualiti pengajaran dan penyelidikan serta menjalin kerjasama dengan pelbagai organisasi.

Salah satu inisiatif UiTM untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan adalah melalui kolaborasi strategik dengan universiti antarabangsa terkemuka.

Antara universiti rakan kongsi ini termasuklah Yamaguchi University di Jepun, Universitas

Paramadina di Indonesia, dan University of Business and Science di Uzbekistan.

Datuk Haji Abdul Wahab Aziz turut mengingatkan para graduan bahawa kejayaan ini hanyalah permulaan kepada perjalanan hidup yang lebih mencabar.

Beliau yakin dengan ilmu, pengalaman, dan kemahiran yang diperoleh di UiTM, para graduan mampu menjadi agen perubahan yang menyumbang kepada masyarakat, agama, bangsa, dan negara.

A photograph of two elderly men in traditional Islamic attire. They are wearing blue long-sleeved shirts with wide, ornate gold borders featuring intricate floral and geometric patterns. They also wear black traditional caps (songkok) with gold bands. The man on the right is standing and looking slightly to his left, while the man on the left is seated and looking down. The background is dark and out of focus.

**“Para graduan tidak
melupakan pengorbanan
ibu bapa dan keluarga
yang menjadi tunjang
utama kejayaan
mereka.”**

*Pro-Canselor
Datuk Haji Abdul Wahab Aziz*

GRADUAN FPP UiTM KEKAL RELEVAN DI ERA DIGITAL



oleh : Zaidatul Insyirah Suhaini

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) tampil dalam memastikan kebolehpasaran graduan berada pada tahap tertinggi, sekali gus menjadikan pelajar mereka terus relevan sesuai dengan kehendak industri.

Dengan kebolehpasaran mencecah 92 peratus, mereka membuktikan bahawa kurikulum dan pendekatannya sentiasa bergerak seiring dengan arus digital, khususnya dengan kewujudan teknologi kecerdasan buatan (AI).

Menurut Dekan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Profesor Ts. Dr. Shafinar Ismail, penekanan terhadap kemahiran digital menjadi keutamaan dalam memastikan para graduan kekal berdaya saing.

“Kami fokus pada peningkatan kemahiran digital, khususnya penggunaan Artificial Intelligence (AI). Insya-Allah pada tahun 2026, kurikulum fakulti akan melalui semakan untuk memasukkan elemen AI dalam semua program. AI juga digunakan dalam simulasi perniagaan, membantu pepadanan kerjaya yang lebih tepat serta meningkatkan reputasi akademik fakulti”, jelas beliau.

Selain memfokuskan graduan dari segi akademik, fakulti ini juga melatih para pelajar untuk menerapkan pembangunan dari segi soft skills melalui pelbagai aktiviti di universiti, termasuk aktiviti Hal Ehwal Pelajar dan unit ICAN.

“Saya secara peribadi sangat bangga melihat pencapaian mereka, sama ada sebelum atau



“Akademik tidak seharusnya berada dalam “tempurung akademik” sahaja, tetapi mesti menyumbang kepada pembangunan masyarakat.”

selepas saya memimpin fakulti ini. Saya yakin graduan yang bergraduasi pada hari ini adalah mereka yang memang dinanti-nanti oleh majikan”, ujarnya.

Di samping itu, FPP turut menjalinkan kerjasama strategik, bukan sahaja di peringkat nasional malah juga di peringkat global. Dengan wujudnya lebih 68 Memorandum Persefahaman (MoU), fakulti ini membuka peluang kepada pelajar. Pertandingan antarabangsa serta jaringan pensyarah sebagai visiting professor, pakar rujuk dan penerima geran penyelidikan antarabangsa, termasuk Erasmus dan geran industri.

“Namun yang lebih penting, kolaborasi ini memberi impak kepada komuniti, khususnya golongan B40”, tambah beliau lagi.

Menyentuh aspek teknologi kecerdasan buatan (AI) yang sering dianggap melahirkan graduan yang kurang berkualiti, beliau tetap optimis terhadap manfaatnya dalam memperkasa pembangunan pelajar.

“Dalam apa sahaja perkara, mesti ada pro dan kontra. Tetapi bagi saya, AI lebih banyak memberi kesan positif. AI mempercepatkan proses membuat keputusan, memudahkan pelajar mendapat maklumat, dan membolehkan mereka berhubung dengan universiti atau industri luar negara walaupun tidak berada di sana. Jika dimanfaatkan sepenuhnya, AI boleh menjadikan dunia tanpa sempadan serta melahirkan graduan holistik, berjaya dan cemerlang.

“Saya berharap pelajar di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan tidak hanya mengejar akademik semata-mata. Rebut peluang mempelajari soft skills seperti penyelesaian masalah dan komunikasi melalui aktiviti universiti. Ini penting untuk melahirkan graduan yang berdaya tahan, cekap dan berdaya saing”, pesan beliau.

MELANGKAUI AKADEMIK, MEMBENTUK SISWA YANG BERAKHLAK



oleh : Amni Harith Badrul Hisyam

Di era peredaran globalisasi dan memacu kepada persaingan yang kompetitif di kalangan mahasiswa di Malaysia, kecemerlangan akademik kebiasaannya akan menjadi satu fokus utama yang menjadi tumpuan bukan sahaja kepada pensyarah dan orang atasan, malah di mata masyarakat umum.

Namun, bagi Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa (TNCAA) Profesor Dr. Yamin Yasin, berpendapat fokus visi dan misinya sebagai TNCAA adalah untuk memastikan graduan yang dilahirkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) khususnya, adalah seimbang dan lengkap dibalik cemerlang pencapaian akademiknyanya, malah tinggi dari nilai akhlak, adab, dan integriti.

Prof Dr. Yamin akui kualiti pelajar yang dihasilkan oleh UiTM sememangnya tidak dinafikan mempunyai kualiti mahasiswa dan graduan yang tinggi pencapaiannya dari segi akademik.

Keputusan peperiksaan dan CGPA yang cemerlang itu menjadi salah satu saksi keupayaan mereka bersaing dengan mahasiswa di luar, namun beliau tetap menegaskan bahawa pentingnya nilai insaniah dalam diri pelajar.

“Saya ada membuat analisa, mengenai prestasi pelajar kita oleh mantan TNCAA sendiri, tapi saya tegaskan bahawa saya akan cuba untuk menerapkan elemen-elemen



Timbalan Naib Canselor Akademik (TNCAA)
Profesor Dr. Yamin Yasin

lain yang bagus untuk pelajar seperti mana misi saya, CGPA dan keputusan yang cemerlang itu satu kelebihan, tetapi fokus saya adalah untuk melahirkan pelajar yang lengkap dan cukup dari segi adab dan sahsiahnya.” ujarnya. Prof Dr. Yamin juga turut menegaskan bahawa nilai integriti di dalam diri pelajar juga haruslah dititikberatkan dengan cara pensyarah memantau bagaimana ia dapat disemai selain memetingkan melalui pencapaian akademik.

“Integriti pelajar itu, dinilai melalui assignment dan assessment yang dibuat di dalam kelas, jadi pensyarah perlu memainkan peranan untuk menilai dan pelajar-pelajar ini akan dinilai secara praktikal dan dipastikan dalam diri mereka penuh dengan pengisian” katanya ketika ditemu bual.

Prof Dr. Yamin turut berharap mahasiswa dan mahasiswi UiTM ini memanfaatkan sepenuhnya peluang pengajian di UiTM bagi memastikan jiwa mereka dipenuhi dengan pengalaman yang berguna suatu hari nanti.

Beliau percaya tanpa adanya adab dalam nilai seseorang pelajar itu, walau bijak macam mana pun pelajar itu, nescaya ia bukanlah satu ciri-ciri pelajar yang lengkap.



RANTAI SIMBOL KECEMERLANGAN



oleh : Amni Harith Badrul Hisyam

Setiap kali berlangsungnya Istiadat Konvokesyen, antara yang menjadi perhatian pastinya pakaian yang diperagakan sama ada oleh graduan, pensyarah, kakitangan serta ibu bapa dan ahli keluarga.

Namun dalam ramai-ramai, terdapat seorang pensyarah yang menarik perhatian wartawan Warta Konvo.

Pensyarah yang dimaksudkan dari Fakulti Alam Bina, Tun Mohd Irfan Mohd Suria Affandi, yang memakai jubah berserta Graduation Chain atau Charm Chains, satu kalungan rantai yang agak unik bentuknya.

Ia bukan sekadar aksesori, tetapi merupakan anugerah khas yang diberikan kepada graduan ijazah sarjana dari universiti luar negara di Belanda.

Beliau yang juga Ketua Pengajian Seni Bina Dalamann, berkongsi bahawa rantai ini adalah kurniaan yang diterimanya semasa menamatkan pengajian Master of Design di Design Academy Eindhoven, Belanda.

“Ia khas untuk program yang saya jalankan, tidak diberikan kepada semua graduan universiti,” jelasnya.

Rantai ini diberikan kepada graduan dari tiga bidang utama, iaitu reka bentuk dalaman, industri, dan reka bentuk identiti.

Tun Mohd Irfan menyatakan bahawa beliau merupakan satu-satunya pelajar Malaysia yang menerima anugerah ini, menjadikannya satu pencapaian yang sangat istimewa.

Menerangkan makna di sebalik setiap ukiran pada rantai tersebut, Tun Mohd Irfan berkata simbol ‘A’ pada rantai tersebut melambangkan university, lambang kasut adalah kasut *Dutch shoes*.

Manakala bentuk mahkota pula



merujuk kepada Queen Belanda, kerana semasa itu negara tersebut diperintah oleh seorang ratu.

Selain itu, ia turut menampilkan simbol program IM yang diambilnya, serta lambang kunci yang membawa makna pengetahuan (*knowledge*).

Proses penganugerahan rantai ini juga unik, di mana ia diberikan seurus selepas persembahan viva para graduan.

“Pensyarah akan panggil setiap pelajar yang bergraduasi, ceritakan tentang diri mereka, dan kemudian akan dikalungkan Charm Chains ini,” tambahnya.

Rantai ini tidak boleh diganti jika hilang, tidak boleh dijual atau diberikan kepada orang lain, menjadikannya anugerah yang sangat eksklusif.

Tun Mohd Irfan berharap agar semua graduan UiTM terus cemerlang dan tidak berhenti belajar.

Beliau menekankan bahawa pembelajaran, sama ada secara formal atau tidak formal, perlu diteruskan sehingga akhir hayat, selaras dengan moto UiTM, ‘*Life Long Learning*’.

Tun Mohd Irfan Mohd Suria Affandi



TEGUH BERDIRI DEMI SEGULUNG IJAZAH



oleh : Aidil Adha Abdullah

“Saya mahu lihat UiTM lebih menyokong pelajar OKU untuk melanjutkan pengajian ke tahap tertinggi.”

Bergerak hanya menggunakan satu kaki bukanlah penghalang untuk menceburi bidang yang mencabar sekaligus menghadiri istiadat konvokesyen kali ini.

Bagi Muhammad Alif Aiman Juyana @ Azlan, graduan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, saat menerima segulung ijazah baru-baru ini adalah simbol kemenangan menentang cabaran hidup yang begitu besar.

“Alhamdulillah, hari ini saya sangat gembira kerana akhirnya saat yang ditunggu-tunggu tiba juga,” luahnya penuh rasa syukur.

Perjalanan beliau tidak semudah yang disangka. Disahkan menghidap Right Tibia Osteosarcoma, sejenis kanser tulang yang jarang berlaku tetapi sangat agresif.

Tahun 2006 menjadi titik mula perjuangan panjang dengan rawatan kemoterapi yang menyakitkan. Lebih menyayat hati, sebaik sahaja rawatan tamat, beliau terpaksa menerima kenyataan bahawa kaki kanannya perlu dipotong.

Namun, beliau melihat ujian ini sebagai satu kekuatan.

“Saya mahu buktikan bahawa kreadibiliti seorang OKU tidak terhenti di situ. Kami juga mampu meneruskan perjalanan ini dengan semangat, kemudahan dan bimbingan yang diberikan,” ujarnya tegas.

Bagi Alif, ibu bapa adalah sumber kekuatan terbesar.

“Setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua orang tua saya yang sentiasa menjadi pendorong utama. Saya juga mahu buktikan pada diri sendiri bahawa menjadi OKU bukanlah penghalang,” katanya.

Kini bergelar eksekutif di Swift Haulage Sdn Bhd, Pelabuhan Utara, Alif bersyukur kerana dikelilingi rakan sekerja dan majikan yang menyokong penuh.

“Ramai tidak percaya saya boleh bekerja di gudang, tapi alhamdulillah saya mampu melakukannya,” tambahnya sambil tersenyum.

Buat masa ini, Alif mahu memberi tumpuan kepada kerjaya sepenuh masa dalam bidang logistik.

Namun, cita-citanya tidak terhenti di situ. “Insyallah, jika ada rezeki, saya berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana,” katanya.

Beliau turut menitipkan harapan agar UiTM terus menjadi institusi yang inklusif.



Muhammad Alif Aiman Juyana @ Azlan





**SIDANG REDAKSI
JAWATANKUASA WARTA KONVO 102**

*Hak cipta terpelihara. Diterbitkan oleh
Pejabat Komunikasi Strategik UiTM
Dan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian
Media UiTM*

Penasihat
Prof. Dr Ismie Roha Mohamed Jais,
Penolong Naib Canselor Komunikasi Strategik

Penasihat Editorial
En Abuzar Abdul Halim,
Ketua unit Perhubungan Awam dan Media

Ketua Editor
En Ahmad Faisal Mohamed Fiah,
Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Komunikasi
dan Pengajian Media

Ketua Wartawan
Zaidatul Insyirah binti Suhaini

Wartawan
Aidil Adha bin Abdullah
Amni Harith bin Badrul Hisyam

Pereka Grafik
Muhammad Sahil bin Sulaiman
Ezureen Natasya binti Kahar Jaafar

Fotografi
Pejabat Komunikasi Strategik

Unit Perhubungan Awam dan Media
Pejabat Komunikasi Strategik